



21 Disember 2016
21 December 2016
P.U. (A) 343

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PENJAJA (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

LICENSING OF HAWKERS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) BY-LAWS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PENJAJA
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen diperlukan bagi aktiviti penjajaan
4. Permohonan untuk lesen
5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN AM

13. Kandungan lesen
14. Larangan

Undang-
undang
kecil

15. Pemeriksaan perubatan dan kursus asas penyediaan makanan
16. Kewajipan pemegang lesen
17. Pelantikan penama
18. Pengambilan pembantu
19. Lesen hendaklah berkenaan dengan tapak menjaja tertentu
20. Saiz bagi gerai, petak peraga dinding dan kereta tolak
21. Pembinaan kajang atau atap di atas petak
22. Perobohan dan penyitaan
23. Larangan bagi aktiviti penjajaan
24. Penempatan dan pengalihan gerai
25. Kenderaan
26. Penjaja bergerak
27. Orang yang dilarang menyediakan makanan
28. Cara mengendalikan makanan
29. Tempat di mana penyediaan makanan dilarang
30. Kehendak kebersihan
31. Larangan penjualan makanan tidak selamat
32. Tapak menjaja tidak boleh diserahak, dipajak, disewa atau disewa kecil
33. Perubahan barang yang telah dileSENkan
34. Waktu menjalankan aktiviti penjajaan
35. Bekalan air
36. Perobohan, penyitaan dan tuntutan
37. Kacau ganggu
38. Kuasa untuk menghendaki maklumat
39. Pengecualian
40. Penalti
41. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PENJAJA
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 73(1)(g) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti penjajaan” ertinya menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa barang di sesuatu tapak menjaja;

“barang” termasuklah apa-apa jenis makanan, perkhidmatan yang diberi atau apa-apa jenis barang yang lain;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

“fi lesen” ertinya kadar bayaran yang ditetapkan bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“gerai” ertinya struktur yang didirikan untuk tujuan menjaja yang di atasnya atau di dalamnya barang-barang dijual atau dipamerkan untuk jualan di tapak menjaja;

“kenderaan” ertinya suatu van, kereta tolak atau apa-apa kenderaan lain yang diluluskan oleh Datuk Bandar untuk digunakan bagi tujuan menjaja;

“makanan” termasuklah tiap-tiap barang yang dikilangkan, dijual atau digambarkan untuk digunakan sebagai makanan atau minuman bagi kegunaan manusia atau yang diguna di dalam komposisi, penyediaan dan pengawetan mana-mana makanan atau minuman bagi kegunaan manusia dan termasuklah konfeksi, bahan kunyahan dan apa-apa bahan lain untuk makanan, minuman, konfeksi atau bahan kunyahan itu;

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen penjaja dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“penjaja” ertinya seseorang penjaja bergerak, penjaja sementara atau penjaja statik yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“penjaja bergerak” ertinya mana-mana orang yang dengan atau tanpa kenderaan pergi dari setempat ke setempat di mana-mana jalan untuk menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa barang;

“penjaja sementara” ertinya mana-mana orang yang menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa barang di gerai atau petak yang ditetapkan di mana-mana jalan bagi maksud itu oleh Datuk Bandar untuk apa-apa tempoh dan mengikut waktu perniagaan yang ditetapkan oleh Datuk Bandar;

“penjaja statik” ertinya mana-mana orang yang menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa barang di gerai atau petak di mana-mana jalan atau di mana-mana petak peraga dinding;

“penyediaan makanan” atau “menyediakan makanan” termasuklah mengendalikan, menghidang atau menjual makanan.

“perkakas” termasuklah bekas, alat-alat, kerusi, meja, kelengkapan atau apa-apa benda lain yang digunakan berkaitan dengan aktiviti penjajaan;

“petak” ertinya mana-mana ruang yang ditandakan oleh Datuk Bandar di tapak menjaja bagi menjalankan aktiviti penjajaan;

“petak peraga dinding” ertinya suatu struktur yang diluluskan oleh Datuk Bandar yang dibina di atas atau bersebelahan mana-mana bahagian luar dinding sesebuah bangunan;

“tapak menjaja” ertinya mana-mana bangunan, jalan atau kawasan di mana aktiviti penjajaan dibenarkan oleh Datuk Bandar pada hari atau waktu yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

BAHAGIAN II PELESENAN

Lesen diperlukan bagi aktiviti penjajaan

3. (1) Mana-mana orang boleh menjalankan aktiviti sebagai seorang penjaja apabila suatu lesen penjaja dikeluarkan oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Permohonan untuk lesen

4. (1) Tertakluk kepada undang-undang kecil 3, sesuatu permohonan untuk suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar boleh meluluskan atau tidak meluluskan sesuatu permohonan untuk suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Datuk Bandar boleh, jika difikirkan perlu, menghendaki mana-mana pemohon untuk hadir sendiri bagi memberi apa-apa dokumen atau maklumat lanjut berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk suatu lesen.

(4) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah tertakluk kepada—

- (a) tempoh lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;
- (b) perjanjian penyewaan tapak menjaya ditandatangani oleh pemohon, jika Datuk Bandar fikirkan perlu;
- (c) peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan;
- (d) bayaran deposit sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil 8;
- (e) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama; dan
- (f) apa-apa kehendak yang lain di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan.

(5) Datuk Bandar boleh, dari semasa ke semasa dan semasa sesuatu lesen masih berkuat kuasa, mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu atau mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.

(6) Suatu notis bertulis hendaklah diberikan kepada pemegang lesen sebelum Datuk Bandar membuat apa-apa keputusan di bawah perenggan (5).

Ketidaklayakan

5. Walau apa pun undang-undang kecil 4, tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini kepada mana-mana orang yang—

(a) bukan warganegara Malaysia; atau

(b) berumur di bawah lapan belas tahun.

Bentuk lesen

6. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

Fi lesen

7. (1) Fi lesen yang kena dibayar bagi pengeluaran suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada tanggungan untuk membayar kesemua atau mana-mana bahagian daripada fi lesen.

(3) Fi lesen yang dibayar di bawah perenggan (1) tidak boleh dibayar balik.

Deposit

8. (1) Datuk Bandar boleh menghendaki mana-mana orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan untuk membayar deposit sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit untuk memastikan bahawa peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil, syarat-syarat atau sekatan-sekatan lesen dipatuhi.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada tanggungan untuk membayar keseluruhan atau sebahagian deposit.

(3) Sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil, syarat atau sekatan lesen, Datuk Bandar hendaklah memberi notis kepada pemegang lesen dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis untuk memberi representasi kenapa depositnya tidak boleh dilucuthakkan.

(4) Datuk Bandar boleh, setelah mempertimbangkan representasi yang dikemukakan oleh pemegang lesen atau jika pemegang lesen gagal membuat representasi, memutuskan sama ada untuk melucuthakkan keseluruhan atau sebahagian deposit.

(5) Tertakluk kepada perenggan (4), Datuk Bandar boleh menghendaki pemegang lesen untuk menggantikan keseluruhan atau sebahagian deposit yang telah dilucuthakkan.

(6) Deposit yang dibayar hendaklah, melainkan dilucuthakkan, dibayar balik kepada pemegang lesen tanpa apa-apa pelarasan bagi faedah atas amaun yang diberikan di bawah perenggan (1) selepas pemegang lesen berhenti menjalankan apa-apa aktiviti penjajaan di tapak menjajanya.

(7) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Datuk Bandar jika dia telah berhenti menjalankan apa-apa aktiviti penjajaan di tapak menjajanya.

(8) Walau apa pun perenggan (7), pemegang lesen hendaklah memohon kepada Datuk Bandar dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia berhenti menjalankan aktiviti penjajaan itu untuk depositnya dibayar balik.

(9) Sekiranya pemegang lesen tidak memohon untuk depositnya dibayar balik atau depositnya tidak dituntut dalam tempoh yang dinyatakan di bawah perenggan (8), deposit tersebut akan dilucuthakkan dan hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan kerajaan tempatan dan hendaklah menjadi sebahagian daripada hasil kumpulan wang itu.

Lesen gantian

9. Jika Datuk Bandar berpuas hati bahawa suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah hilang, cacat atau rosak, Datuk Bandar boleh mengeluarkan lesen gantian.

Pindah milik lesen

10. (1) Tiada pemegang lesen boleh memindah milik lesenya kepada mana-mana pihak yang lain.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Pembaharuan lesen

11. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah dianggap sebagai permohonan untuk suatu lesen.

(2) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah dibuat dalam tempoh enam puluh hari sebelum tarikh tamat lesen itu dan hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar boleh, jika difikirkan perlu, menghendaki mana-mana pemohon untuk hadir sendiri bagi memberi apa-apa dokumen atau maklumat lanjut berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen.

(4) Datuk Bandar boleh memperbaharui atau tidak memperbaharui lesen itu dan hendaklah memaklumkan pemohon keputusannya itu secara bertulis atau melalui apa-apa cara yang lain sebagaimana yang akan ditentukan oleh Datuk Bandar dan membayar balik deposit kepada pemohon tertakluk kepada undang-undang kecil 8(9).

(5) Suatu lesen jika diperbaharui di bawah perenggan (4) adalah tertakluk kepada—

- (a) tempoh lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;
- (b) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;
- (c) peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan;
- (d) pemegang lesen tidak mempunyai tunggakan sewa di tapak menjajanya; dan
- (e) perjanjian penyewaan masih berkuat kuasa.

(6) Tiada deposit lanjut perlu diberi oleh pemegang lesen jika lesennya diperbaharui.

(7) Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan kepada pemegang lesen sekiranya lesen tidak diperbaharui di bawah perenggan (4).

Pembatalan lesen

12. (1) Datuk Bandar boleh membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil, syarat atau sekatan lesen;
- (b) pemegang lesen itu telah, sama ada berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk suatu lesen atau pada bila-bila masa selepas

suatu lesen dikeluarkan, mengemukakan kepada Datuk Bandar suatu dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat; atau

(c) pemegang lesen itu tidak menjalankan aktiviti penjajaan yang dilesenkan selama tempoh tiga bulan berturut-turut tanpa memaklumkan kepada Datuk Bandar.

(2) Pembatalan lesen di bawah perenggan (1) boleh dibuat oleh Datuk Bandar tanpa apa-apa bayaran pampasan kepada pemegang lesen dan Datuk Bandar boleh melucutahkan keseluruhan deposit yang telah dibayar di bawah undang-undang kecil 8.

(3) Sebelum suatu lesen dibatalkan, Datuk Bandar hendaklah memberi notis secara bertulis kepada pemegang lesen menghendaki dia membuat representasi dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis kenapa lesennya tidak boleh dibatalkan.

(4) Selepas tamat tempoh masa yang dinyatakan di dalam notis di bawah perenggan (3) dan setelah menimbangkan representasi pemegang lesen atau jika pemegang lesen gagal membuat representasi, Datuk Bandar hendaklah terus mempertimbangkan perkara tersebut dan memaklumkan keputusannya dalam notis bertulis kepada pemegang lesen.

(5) Jika Datuk Bandar memutuskan untuk membatalkan lesen itu, pembatalan lesen itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis yang diserahkan kepada pemegang lesen.

(6) Mana-mana pemegang lesen yang menjalankan aktiviti penjajaan setelah lesennya dibatalkan di bawah perenggan (5) melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III
PERUNTUKAN AM

Kandungan lesen

13. Suatu lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar kepada seseorang pemegang lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:

- (a) nama, alamat terbaru dan nombor kad pengenalan pemegang lesen;
- (b) gambar terbaru berukuran pasport pemegang lesen;
- (c) jenis penjaja;
- (d) tempoh sah lesen;
- (e) jenis barang yang akan dijual;
- (f) nama, alamat terbaru, nombor kad pengenalan dan gambar terbaru berukuran pasport pembantu yang diambil kerja oleh pemegang lesen, jika ada;
- (g) tempoh dan waktu menjaja;
- (h) tapak menjaja; dan
- (i) apa-apa syarat dan sekatan yang lain yang dikenakan oleh Datuk Bandar.

Larangan

14. (1) Tiada pemegang lesen boleh—

- (a) mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;

- (b) mengambil bekerja mana-mana warga asing;
- (c) membenarkan apa-apa aktiviti perjudian atau aktiviti tidak bermoral atau membenarkan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kacau ganggu, gangguan, kecederaan atau kebisingan kepada penduduk di kawasan persekitaran tapak menjaja; dan
- (d) menjalankan aktiviti yang lain di tapak menjaja selain daripada aktiviti penjajaan yang dinyatakan dalam lesennya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Pemeriksaan perubatan dan kursus asas penyediaan makanan

15. (1) Mana-mana orang yang terlibat dalam penyediaan makanan untuk aktiviti penjajaan hendaklah—

- (a) menjalani pemeriksaan perubatan sebagaimana yang Datuk Bandar arahkan;
- (b) mendapatkan suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit; dan
- (c) mengikuti kursus asas penyediaan makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

(2) Pemeriksaan perubatan dan suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan atau kesihatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

(3) Pemegang lesen hendaklah—

- (a) mematuhi keperluan perenggan (1) sekiranya pemegang lesen itu sendiri akan terlibat dalam penyediaan makanan untuk aktiviti penjajaan; dan
 - (b) memastikan penamanya yang dilantik di bawah undang-undang kecil 17 dan pembantunya yang diambil bekerja di bawah undang-undang kecil 18 yang terlibat dalam penyediaan makanan mematuhi keperluan perenggan (1).
- (4) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi perenggan (3) melakukan suatu kesalahan.
- (5) Walau apa pun perenggan (1), mana-mana orang yang terlibat dalam penyediaan makanan untuk aktiviti penjajaan boleh diarahkan oleh Datuk Bandar pada bila-bila masa untuk—
- (a) menjalani pemeriksaan perubatan;
 - (b) mendapatkan suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit; dan
 - (c) menghadiri kursus asas berkaitan dengan penyediaan makanan.
- (6) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perenggan (5) melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan pemegang lesen

16. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah pada setiap masa hadir untuk menjalankan atau mengawasi aktiviti penjajaannya.
- (2) Walau apa pun perenggan (1), jika pemegang lesen tidak dapat hadir untuk menjalankan aktiviti penjajaannya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, dia hendaklah—

- (a) melantik seorang penama di bawah undang-undang kecil 17 bagi menggantikannya; atau
 - (b) menutup sementara petak yang diperuntukkan kepadanya.
- (3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan.

Pelantikan penama

17. (1) Sesuatu permohonan untuk seorang penama di bawah undang-undang kecil 16(2)(a) hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar boleh—

- (a) menghendaki pemegang lesen untuk mengemukakan maklumat lanjut bagi maksud mempertimbangkan permohonan tersebut; atau
 - (b) meluluskan permohonan itu tertakluk kepada syarat yang lain atau menolak permohonan itu.
- (3) Fi yang kena dibayar oleh pemegang lesen bagi permohonan pelantikan seorang penama hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
- (4) Seseorang penama yang dilantik di bawah perenggan (2) hendaklah tertakluk kepada Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar ke atas pemegang lesen dan mempunyai tanggungan yang sama sebagaimana seorang pemegang lesen.

Pengambilan pembantu

18. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh mengambil pembantu tanpa kelulusan bertulis daripada Datuk Bandar terlebih dahulu.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu kelulusan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar boleh—

- (a) menghendaki pemegang lesen untuk mengemukakan maklumat lanjut bagi maksud mempertimbangkan permohonan tersebut; atau
- (b) meluluskan permohonan itu tertakluk kepada syarat yang lain atau menolak permohonan itu.

(4) Pengambilan kerja seorang pembantu tidaklah mengecualikan pemegang lesen daripada undang-undang kecil 16(1).

(5) Mana-mana pembantu yang diambil bekerja di bawah perenggan (4) adalah tertakluk kepada—

- (a) peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar di bawah undang-undang kecil 4(4); dan
- (b) apa-apa syarat yang lain yang ditetapkan oleh Datuk Bandar di bawah subperenggan 3(b).

(6) Walau apa pun undang-undang kecil ini, mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Lesen hendaklah berkenaan dengan tapak menjaja tertentu

19. (1) Lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah berkenaan dengan sesuatu tapak menjaja tertentu sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Datuk Bandar boleh, menurut budi bicaranya atas suatu permohonan yang dibuat oleh seorang pemegang lesen, membenarkan pemindahan tapak menjaja ke suatu tapak menjaja yang lain untuk menjual barang yang sama tertakluk kepada—

- (a) pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua;
- (b) pemegang lesen tidak mempunyai tunggakan sewa di tapak menjaja asal;
- (c) pemegang lesen menandatangani perjanjian penyewaan untuk penggunaan tapak menjaja yang lain, jika Datuk Bandar fikirkan perlu; dan
- (d) arahan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar boleh, jika difikirkan perlu dan sesuai, memberi notis secara bertulis kepada pemegang lesen untuk memindahkan tapak menjaja yang telah diperuntukkan kepadanya kepada suatu tapak menjaja yang lain dalam tempoh yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dalam notis itu.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi notis di bawah perenggan (3) melakukan suatu kesalahan.

(5) Pemegang lesen yang tapak menjajanya dipindahkan di bawah perenggan (3) tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan daripada Datuk Bandar.

Saiz bagi gerai, petak peraga dinding dan kereta tolak

20. (1) Saiz maksimum bagi gerai ialah 5 meter panjang dan 3 meter lebar melainkan gerai yang dibina oleh Datuk Bandar.

(2) Tiada petak peraga dinding boleh melebihi 4 meter panjang kali 2 meter tinggi kali 1 meter lebar.

(3) Kereta tolak yang digunakan oleh penjaja bergerak tidak boleh melebihi 2 meter panjang dan 1 meter lebar dan atap atau kajang di atasnya tidak boleh dilanjutkan lebih daripada 1 meter daripada mana-mana bahagian kereta tolak itu.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

Pembinaan kajang atau atap di atas petak

21. (1) Tiada kajang atau apa-apa jenis atap atau struktur boleh dibina di mana-mana tapak menjaja, melainkan dibenarkan oleh Datuk Bandar, tertakluk kepada apa-apa syarat yang Datuk Bandar fikirkan perlu.

(2) Pembinaan sesuatu kajang atau atap atau struktur yang dibenarkan di bawah perenggan (1) hendaklah mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Datuk Bandar.

(3) Kebenaran yang diberi di bawah perenggan (1) boleh ditarik balik pada bila-bila masa oleh Datuk Bandar apabila diberitahu secara bertulis ketidakpatuhan mana-mana syarat yang ditetapkan di bawah perenggan (1) dan pemegang lesen hendaklah merobohkan kajang, atap atau struktur itu dalam tempoh yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dalam notis itu.

(4) Jika pemegang lesen gagal mematuhi notis di bawah perenggan (3), Datuk Bandar boleh merobohkan kajang atau atap atau struktur itu dan Datuk Bandar boleh mendapatkan kembali perbelanjaan yang ditanggung oleh Datuk Bandar untuk kerja perobohan itu daripada pemegang lesen.

(5) Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan kepada pemegang lesen untuk tindakan yang telah diambil di bawah undang-undang kecil ini.

(6) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Perobohan dan penyitaan

22. (1) Datuk Bandar boleh memberi notis secara bertulis kepada pemegang lesen untuk merobohkan mana-mana gerai, petak peraga dinding, kajang, atap atau struktur di atas mana-mana gerai atau petak yang didirikan—

(a) yang tidak mengikut ukuran yang ditetapkan di bawah undang undang kecil 20; atau

(b) tanpa kebenaran Datuk Bandar,

dalam tempoh yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dalam notis itu.

(2) Jika pemegang lesen gagal mematuhi notis di bawah perenggan (1) Datuk Bandar, selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, boleh mengambil langkah untuk merobohkan gerai, petak peraga dinding, kajang, atap atau struktur di atas petak itu tanpa membayar apa-apa pampasan kepada pemegang lesen dan Datuk Bandar boleh menuntut kos perobohan daripada pemegang lesen itu.

(3) Datuk Bandar boleh menyita mana-mana kenderaan yang digunakan untuk aktiviti penjajaan tanpa kelulusan Datuk Bandar atau kereta tolak yang digunakan oleh mana-mana pemegang lesen yang tidak mengikut ukuran yang ditetapkan untuk kereta tolak yang digunakan untuk aktiviti penjajaan di bawah undang-undang kecil 20(3).

(4) Mana-mana pemegang lesen boleh menuntut kenderaan atau kereta tolak yang telah disita di bawah perenggan (3) dalam tempoh yang ditentukan oleh Datuk Bandar tertakluk kepada undang-undang kecil 36(3).

(5) Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan dan kerugian yang ditanggung oleh pemegang lesen akibat daripada tindakan yang diambil oleh Datuk Bandar di bawah undang-undang kecil ini.

Larangan bagi aktiviti penjajaan

23. (1) Tiada pemegang lesen boleh menjalankan aktiviti penjajaannya—

(a) dalam lingkungan 9 meter daripada simpang jalan; atau

(b) dalam lingkungan 3.6 meter daripada pili bomba.

(2) Tiada pemegang lesen boleh menjalankan aktiviti penjajaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalu lintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan kaki.

(3) Tiada pemegang lesen atau pembantunya boleh menggunakan pelaung, pembesar suara, mikrofon atau apa-apa alat yang lain untuk mempertingkatkan bunyi semasa menjalankan aktiviti penjajaannya.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

Penempatan dan pengalihan gerai

24. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Datuk Bandar dari semasa ke semasa berkenaan dengan penempatan gerai, barang atau lain-lain perkakas yang berkaitan dengan aktiviti penjajaannya di mana-mana tapak menjaya.

(2) Seseorang penjaja sementara hendaklah mengalihkan gerainya, kenderaan, barang dan lain-lain perkakas yang berkaitan dengan aktiviti penjajaannya apabila tempoh dan waktu penjajaan tamat.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

Kenderaan

25. (1) Seseorang pemegang lesen yang menggunakan kenderaan bagi maksud menjalankan aktiviti penjajaan hendaklah memastikan kenderaan itu mengikut ukuran atau bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Penjaja bergerak

26. (1) Seseorang penjaja bergerak melainkan penjaja bergerak yang menggunakan van hendaklah sentiasa bergerak kecuali pada waktu menjual barang kepada pelanggan.

(2) Penjaja bergerak yang menggunakan van hendaklah menjalankan aktiviti penjajaan di petak yang dibenarkan oleh Datuk Bandar dalam tempoh dan waktu yang ditentukan dalam lesen dan hendaklah memindahkan vannya daripada petak itu apabila tempoh dan waktu penjajaan tamat.

(3) Tiada penjaja bergerak yang menggunakan van boleh meletakkan atau mempamerkan untuk jualan barang yang digunakan atau berhubung dengan aktiviti penjajaannya di luar van.

(4) Mana-mana penjaja bergerak yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

Orang yang dilarang menyediakan makanan

27. (1) Mana-mana orang yang menghidap atau membawa apa-apa penyakit yang berjangkit tidak boleh terlibat dalam penyediaan makanan untuk aktiviti penjajaan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Cara mengendalikan makanan

28. (1) Mana-mana pemegang lesen atau pembantunya yang terlibat dalam penyediaan makanan—

- (a) hendaklah memastikan makanan yang ditawarkan untuk jualan adalah bersih dan selamat untuk dimakan dan diminum;
- (b) hendaklah menggunakan sepit, penyeduk, sarung tangan plastik atau lain-lain perkakas yang sesuai bagi penyediaan makanan;
- (c) tidak boleh menggunakan jari-jarinya untuk menyentuh mana-mana bahagian anggota badannya yang lain semasa penyediaan makanan;
- (d) tidak boleh menggunakan nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut untuk jualan makanan;
- (e) tidak boleh menyapu tangannya dengan bajunya atau dengan apa-apa cara selain daripada menggunakan tuala atau kain yang bersih;
- (f) tidak boleh batuk atau bersin berhampiran dengan mana-mana makanan;
- (g) tidak boleh merokok;
- (h) hendaklah menjaga diri dan pakaianya supaya berada dalam keadaan bersih dan hendaklah pada setiap masa memakai apron, penutup kepala dan apa-apa benda lain sebagaimana yang diarahkan oleh Datuk Bandar dari semasa ke semasa;
- (i) tidak boleh mempunyai luka atau pecah kulit pada tangan atau jarinya; dan

- (j) hendaklah menggunakan tuala bersih untuk tujuan mengelap atau membersih apa-apa bungkusan atau alat yang digunakan untuk penyediaan makanan.
- (2) Mana-mana pemegang lesen atau pembantunya yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Tempat di mana penyediaan makanan dilarang

29. (1) Seseorang pemegang lesen atau pembantunya tidak boleh menyediakan makanan—
- (a) dalam mana-mana tandas atau bilik air;
- (b) di mana-mana tempat di mana apa-apa benda atau binatang dibiarkan berada atau disimpan; atau
- (c) di mana-mana tempat di mana makanan itu berkemungkinan akan tercemar atau menjadi kurang baik atau kebersihan makanan akan terjejas.
- (2) Mana-mana pemegang lesen atau pembantunya yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Kehendak kebersihan

30. (1) Seseorang pemegang lesen dan pembantunya hendaklah memastikan—
- (a) apa-apa jenis makanan untuk jualan dijual dan disediakan di atas permukaan yang ketinggiannya 0.5 meter daripada permukaan tanah atau lantai;
- (b) tapak menjaja diselenggara supaya berada dalam keadaan bersih pada setiap masa;

- (c) kawasan di sekitar yang hampir sekali di hadapan, di belakang dan di tepi tapak menjaja yang diperuntukkan kepada pemegang lesen berada dalam keadaan bersih.
- (d) makanan yang ditawarkan untuk jualan hendaklah berada dalam keadaan bersih dan ditutup dengan penutup makanan pada setiap masa;
- (e) kenderaan yang digunakan untuk menjaja atau mengangkut makanan untuk jualan sentiasa berada dalam keadaan bersih.
- (f) perkakas dan lekapan yang digunakan dalam aktiviti penjajaannya hendaklah berada dalam keadaan bersih;
- (g) hanya bekas atau alat pembungkusan yang ditentukan atau dibenarkan oleh Datuk Bandar digunakan untuk membungkus makanan untuk jualan;
- (h) makanan untuk pelanggan tidak dibungkus dengan kertas tidak bersih atau kertas yang terdapat bahan tulisan atau cetakan di atasnya atau dengan bahan yang boleh mencemarkan makanan itu;
- (i) segala perkakas yang digunakan dalam aktiviti penjajaannya disimpan di tempat yang sesuai dan berada dalam keadaan bersih;
- (j) pemegang lesen dan pembantunya sentiasa berpakaian bersih dan hendaklah juga memakai apron dan penutup kepala;
- (k) tong sampah daripada apa-apa jenis dan ukuran sebagaimana ditentukan oleh Datuk Bandar disediakan dengan secukupnya;
- (l) sampah dikumpul dan dibungkuskan dalam beg plastik dan dimasukkan ke dalam bekas bertutup yang disediakan bagi

maksud itu, dan hendaklah menyebabkan semua bekas itu dikosongkan dan dibersihkan seberapa kerap yang perlu untuk menjaga tapak menjaja itu supaya bersih dan kemas pada setiap masa;

- (m) kertas atau bahan yang tidak bersih tidak boleh digunakan untuk membungkus barang-barang;
- (n) bungkusan atau bekas yang digunakan untuk membungkus buah dan sayur tidak boleh dibuat daripada bahan yang akan mencemarkan atau menukar warna atau rasa buah atau sayur itu, atau menyebabkan buah atau sayur itu dalam keadaan yang memudaratkan kesihatan; dan
- (o) apa-apa racun atau apa-apa bahan yang berbahaya atau apa-apa bahan lain yang mungkin mencemar keadaan baik barang untuk jualan tidak boleh digunakan di dalam tapak menjajanya.

(2) Mana-mana pemegang lesen atau pembantunya yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Larangan penjualan makanan tidak selamat

31. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh menjual atau menawarkan untuk jualan apa-apa makanan yang tidak selamat untuk dimakan oleh manusia.

(2) Datuk Bandar boleh menyiasat, memeriksa dan menyita mana-mana makanan yang tidak selamat untuk dimakan oleh manusia dan boleh mengarahkan makanan itu dimusnahkan dengan serta merta.

(3) Pemegang lesen tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan daripada Datuk Bandar untuk mana-mana makanan yang disita oleh Datuk Bandar di bawah perenggan (2).

(4) Walau apa pun perenggan (2) dan (3), mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Petak menjaja tidak boleh diserah hak, dipajak, disewa atau disewa kecil

32. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh menyerah hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil petak yang diperuntukkan kepadanya kepada mana-mana orang.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Perubahan barang yang telah dilesenkan

33. (1) Tiada pemegang lesen boleh menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa barang selain daripada barang yang telah ditetapkan dalam lesen kecuali mendapat kelulusan bertulis daripada Datuk Bandar.

(2) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan kelulusan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat secara bertulis dalam bentuk dan cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan Datuk Bandar boleh, menurut budi bicaranya meluluskan atau tidak meluluskan permohonan itu.

(3) Walau apa pun perenggan (2), mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan kesalahan.

Waktu menjalankan aktiviti penjajaan

34. (1) Datuk Bandar boleh mengarahkan aktiviti penjajaan dijalankan di tapak menjaja dalam tempoh dan waktu yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dan pemegang lesen hendaklah mematuhi arahan itu.

(2) Datuk Bandar boleh mempertimbangkan sesuatu permohonan daripada pemegang lesen untuk melanjutkan tempoh dan waktu penjajaan yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar di bawah perenggan (1) setelah menerima permohonan secara bertulis daripada pemegang lesen.

(3) Walau apa pun perenggan (2), mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Bekalan air

35. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh menggunakan mana-mana air selain daripada air daripada bekalan air awam dan tidak boleh menggunakan air paip daripada mana-mana tandas bagi menjalankan aktiviti penjajaannya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Perobohan, penyitaan dan tuntutan

36. (1) Walau apa pun undang-undang kecil 22, Datuk Bandar boleh menurut budi bicaranya—

(a) menyita, memindah dan menahan apa-apa barang, kenderaan, perkakas atau gerai yang berhubungan dengan aktiviti penjajaan seseorang yang tidak mempunyai lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) meroboh mana-mana gerai, petak peraga dinding, kajang, atap atau struktur kepunyaan mana-mana penjaja tanpa lesen.

(2) Datuk Bandar boleh melupuskan barang-barang daripada jenis mudah rosak dengan serta merta dengan apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh Datuk Bandar.

(3) Mana-mana orang yang barang, kenderaan, perkakas atau gerainya telah disita dan ditahan di bawah perenggan (1) hendaklah menuntut barang, kenderaan, perkakas atau gerainya dalam tempoh yang diberikan oleh Datuk Bandar tertakluk kepada pembayaran apa-apa fi yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dalam Jadual Ketiga dan jika tidak ada tuntutan dibuat dalam tempoh yang diberikan, barang, kenderaan,

perkakas atau gerai itu akan dilupuskan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Datuk Bandar.

(4) Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa barang, kenderaan, perkakas atau gerai yang telah disita dan dilupuskan di bawah undang-undang kecil ini.

(5) Mana-mana orang yang barang, kenderaan, perkakas atau gerainya yang telah disita, ditahan atau dilupuskan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak berhak menuntut apa-apa pampasan daripada Datuk Bandar.

Kacau ganggu

37. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh, semasa menjalankan aktiviti penjajaannya di tapak menjaja, membuat atau menyebabkan atau membenarkan berlakunya apa-apa kacau ganggu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

Kuasa untuk menghendaki maklumat

38. (1) Bagi maksud mengesan punca dan mencegah merebaknya apa-apa jangkitan, Datuk Bandar boleh menghendaki pemegang lesen untuk memberi apa-apa maklumat atau mengemukakan untuk pemeriksaan apa-apa dokumen, buku atau rekod berhubungan dengan pembantunya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang enggan memberi apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen, buku atau rekod melakukan suatu kesalahan.

Pengecualian

39. Datuk Bandar boleh, sama ada dengan atau tanpa syarat, mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Penalty

40. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

41. (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1989 [P. U. (A) 356/1989] dibatalkan.

(2) Apa-apa lesen yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan sebelum Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, dipinda, digantung atau dibatalkan, atau kelulusan itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan, yang hanya bagi maksud itu Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

(3) Mana-mana prosiding yang belum selesai atau yang telah dimulakan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan sebelum Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan seolah-olah Undang-Undang Kecil ini tidak dibuat.

JADUAL PERTAMA
[Undang-undang kecil 7]

FI LESEN PENJAJA

<i>Bil.</i>	<i>Jenis Penjaja</i>	<i>Fi Lesen</i>
1.	Penjaja bergerak	RM62.00 sebulan
2.	Penjaja statik—	
	(a) bagi keseluruhan keluasan tidak melebihi 1.6 meter persegi	RM18.00 sebulan
	(b) bagi keseluruhan keluasan melebihi 1.6 meter persegi tetapi tidak melebihi 9 meter persegi	RM27.00 sebulan
	(c) bagi keseluruhan keluasan melebihi 9 meter persegi tetapi tidak melebihi 18.6 meter persegi	RM55.00 sebulan
	(d) bagi keseluruhan keluasan melebihi 18.6 meter persegi tetapi tidak melebihi 27.9 meter persegi	RM82.00 sebulan
3.	Penjaja statik dengan petak peraga dinding—	
	(a) bagi petak-peraga dinding tidak melebihi daripada 7 meter persegi	RM33.00 sebulan
	(b) bagi petak-peraga dinding melebihi 7 meter persegi	RM52.00 sebulan
4.	Penjaja sementara—	
	(a) sebulan bagi satu petak	RM20.00 sebulan
